

## **PERBANDINGAN PENGURUSAN KUALITI MASJID TERHADAP MASJID YANG DIBERI PENGIKTIRAFAN BINTANG**

**Muhammad Firdaus Bin Muhammad Sabri<sup>1</sup> & Haliyana Binti Tonot<sup>2</sup>**

<sup>1, 2</sup> Pensyarah di Jabatan Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

### **ABSTRAK**

Institusi Masjid merupakan institusi yang mula-mula dibangunkan oleh Rasulullah S.A.W di Madinah. Masjid memainkan peranan yang sangat penting dalam menyatupadukan dan membangunkan masyarakat daripada pelbagai aspek seperti pusat ibadah, politik, ekonomi, perbincangan agama dan sebagainya. Namun pada masa kini institusi masjid dilihat agak ketinggalan daripada segi pentadbiran dan pembangunan komuniti yang profesional berbanding institusi lain. Kebanyakan masyarakat kini juga menganggap masjid sebagai tempat ibadah semata-mata. Kajian ini membincangkan mengenai perbandingan pengurusan profesional yang menumpukan aspek pengurusan, pengimaranan, kemudahan prasarana dan persekitaran di masjid-masjid terpilih di Negeri Selangor yang diberi pengiktirafan bintang oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Analisis kajian adalah berbentuk kualitatif dan secara kajian perbandangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengurusan masjid akan menjadi lebih sistematik jika pengurus masjid atau nazir terdiri daripada golongan korporat atau profesional. Hasil kajian juga menunjukkan komitmen yang tinggi daripada nazir dan ahli jawatankuasa serta pematuhan kod dan etika yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri turut memainkan peranan penting dalam pembangunan sistem pengurusan yang baik selain daripada keberadaan golongan korporat atau profesional. Hasil kajian akan dijadikan sebagai modul atau rujukan oleh masjid-masjid yang lain demi untuk mencapai pembangunan komuniti Islam yang lebih sistematik.

**Kata Kunci:** Pengurusan Profesional, Pengurusan, Pengimaranan, Kemudahan Prasarana, Persekutaran.

## **COMPARISON ON MOSQUE QUALITY MANAGEMENT TO THE STAR RECOGNITION GIVEN MOSQUE**

### **ABSTRACT**

Mosque Institution is first be developed by Rasulullah S.A.W at Medina. Mosque plays its role in uniting and developing the society from various aspect such as the center of ibadah, politic, economic, religion discussion and others. However, on these days, the administration and professional community development of mosque institutions is outdated compared to other institutions. Most of the community sees mosque as only place of ibadah. This research is about comparing the professional management that focused on the administration, prospering, infrasutructure facilities and environment of selected mosques in the state of Selangor that has been given recognition by the State Islamic Religious Council. The study analysis is in the form of qualitative and comparative. The result shows that the mosque management will be more systematic if the manager or nazir is holded by coporate or professionals individuals. The finding aslo shows that the high commitment from nazir and the community members, and the compliant to the ethic codes issued by the State Islamic Religious plays an important role in developing the good management practices on top of the presence of the corporate and professional individuals. The findings will be used as modul or reference by other mosques to achieve a systematic development of Islamic community.

**Keywords:** Professional Management, Management, Prospering, Infrastructure facilities, Environment.

### **PENGENALAN**

Semasa penghijrahan Rasulullah s.a.w dan para sahabatnya dari kota Makkah ke kota Madinah, Quba' adalah suatu tempat yang disinggahi oleh baginda. Di sinilah Rasulullah s.a.w membina masjid yang terawal dalam sejarah Islam iaitu Masjid Quba'. Rasulullah s.a.w kemudiannya telah membangunkan masjid yang kedua iaitu Masjid Nabawi semasa baginda tiba di Madinah (Mohd Rozaini Mohd Rahim *et al.*, 2014). Maka dapat diketahui bahawa perkara pertama Rasulullah s.a.w lakukan dalam memperkembangkan syiar Islam adalah dengan membina masjid. Masjid yang dibina oleh Rasulullah s.a.w memainkan peranan penting sebagai pusat tarbiah dan dakwah serta berfungsi dalam pengukuhan sosial, politik, kebijakan, dan persaudaraan bagi melahirkan generasi sahabat dan muslimin yang hebat dan cemerlang dalam memperkuuhkan agama Islam pada masa itu (Ajmain Safar, 2008; Muhammad Said, 1988).

Di Tanah Melayu pula, kepentingan masjid dalam memperkembangkan syiar agama Islam terutama di Nusantara dapat dilihat pada zaman kegemilangan

kesultanan Melayu Melaka. Masjid dan surau pada zaman tersebut memainkan peranan penting sebagai pusat pembelajaran dan juga penyebaran agama Islam dimana terdapat ramai para pelajar tempatan mahupun dari luar Melaka datang menuntut ilmu (Abdullah Ishak, 1990).

Namun pada masa kini, masjid didapati ketinggalan berbanding institusi yang lain dari aspek pentadbiran dan pengurusan pembangunan komuniti masyarakat setempat. Abd. Aziz Harjin *et. al* (2002) dalam kajian beliau menerangkan bahawa institusi masjid tidak diperkenalkan dengan suatu bentuk sistem pentadbiran dan pengurusan yang tersusun dan bersistematik. Menurut beliau lagi, suatu sistem pentadbiran dan pengurusan masjid yang efektif dan efisien perlu diwujudkan bagi mengembalikan peranan masjid sebagai pusat kegiatan ilmu, dakwah, bimbingan, ukhuwah, penyatuan ummah sebagainya. Roslan Mohamed (2008) turut menyokong pendapat tersebut dengan menyatakan bahawa terdapat berbagai kelemahan dalam pengurusan institusi masjid dan ianya perlu diuruskan secara korporat dan professional selaras dengan perkembangan zaman. Bagi memperkasakan masjid agar menjadi sebuah institusi yang profesional, seharusnya pegawai-pegawai yang dilantik menghadiri latihan pengurusan dan pentadbiran sebagai nilai tambah selain daripada pengetahuan agama yang baik dan mencukupi (Ifwan Tun Tuah, 2013). Tambahan pula, fungsi masjid juga boleh diperkuuhkan lagi dengan adanya penglibatan dari golongan profesional. Ini disokong oleh pernyataan daripada mantan Y.A.B Timbalan Perdana Menteri yang menyatakan bahawa golongan professional seharusnya diserapkan ke dalam insititusi masjid bagi membantu mempelbagaikan peranan masjid dalam pembangunan ilmu, pemangkin ekonomi dan pembangunan sosial masyarakat Islam setempat (Berita Harian, 11 Disember 2006). Pendapat ini turut dipersetujui oleh Roslan Mohamed (2008) yang menyatakan bahawa masjid pada masa kini perlu diuruskan oleh seseorang yang professional dalam bidang pengurusan dan juga agama Islam.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Masjid pada masa kini mengalami peningkatan yang mendadak berikutan daripada pertambahan jumlah penduduk, pembukaan kawasan perumahan baru, pembukaan kawasan perindustrian dan sebagainya. Dianggarkan sebanyak 6,365 buah masjid dan 17,771 buah surau yang berdaftar dengan JAKIM di Malaysia dicatatkan sehingga kini (JAKIM, 2016). Tidak dinafikan bahawa kebanyakan masjid baru yang dibina cantik dan tersergam indah tetapi mempunyai masalah yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan masjid. Hal ini berlaku disebabkan oleh sesetengah masjid tidak diperkenalkan dengan suatu sistem pentadbiran dan pengurusan yang sistematik dan efisien untuk menarik minat orang ramai hadir ke masjid. Isu pengurusan masjid yang lemah ini turut diulas oleh Roslan Mohamed (2008) yang menyatakan bahawa kebanyakan masjid telah hilang tarikannya dan

telah ditafsirkan sebagai tempat khusus untuk ibadah semata dimana kurangnya aktiviti yang boleh menarik minat masyarakat setempat ke masjid.

Kebanyakan masjid hanya diterajui oleh seorang atau dua yang benar-benar ingin berkhidmat sedangkan ahli jawatankuasa yang telah dipilih agak ramai bilangannya tetapi tidak menjalankan tanggungjawab dengan sewajarnya. Maka isu utama yang ingin diketengahkan adalah bagaimana untuk membangunkan sistem pengurusan yang professional dari segi struktur organisasi, ekonomi, aktiviti dan infrastruktur (Roslan Mohamed, 2008). Untuk membangunkan masjid yang cemerlang, ahli jawatankuasa dan juga kariah masjid harus memainkan peranan yang profesional. Ahli organisasi yang terdiri dari golongan professional akan menjadikan pengurusan masjid lebih berketrampilan, mantap dan profesional (Zainudin Yusof, 2015).

Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji keseragaman dua masjid yang terpilih dari aspek pengurusan yang cemerlang dan professional serta mengenal pasti perlaksanaan konsep asas pengurusan oleh pihak masjid bagi menyumbang dalam pembangunan komuniti setempat.

## **KAJIAN LITERATUR**

Menurut Al-Fairuz Abadi (1987), masjid asalnya adalah dari perkataan Arab iaitu *sujudan, yasjudu atau sajada*, yang membawa maksud patuh dengan meletakkan dahi ke tanah atau bumi sebagai pengabdian kepada Allah S.W.T. Pendapat ini turut disokong oleh Shaikh Ali Mohamad Mokhtar (2003) yang mencatatkan dalam kajian beliau di mana masjid diertikan sebagai tempat untuk bersujud dan tempat melaksanakan ibadah dengan mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Pendapat Shaikh Ali Mohamad Mokhtar turut dihuraikan lagi oleh Quraish Shibab (1999) dimana menurut beliau masjid adalah sebuah tempat bersujud dan menzahirkan perasaan pengabdian, penghormatan, taubat atau keinsafan atas kekhilafan serta penyesuaian diri dengan ketetapan Allah S.W.T. Maka umumnya, masjid bukan sahaja berperanan sebagai tempat beribadah kepada Allah S.W.T, malah ianya turut berperanan sebagai pusat untuk menyusun dan memperkuatkkan masyarakat (Haron Din, 1996).

Sejarah turut menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah mengimarahkan dan menjadikan masjid sebagai pusat pentadbiran, tempat perhimpunan, perbincangan, pengadilan dan kehakiman, pengajaran dan pendidikan, pelindungan saudara-saudara Islam yang baru, pengucapan syiar dakwah, persaudaraan, tempat menyebarkan Islam dan wahyu Allah SWT, tempat penyerahan bendera perang kepada panglima-panglima Islam, diplomatik, politik, tempat rawatan tentera-tentera muslim yang cedera dalam peperangan, malah pernah menjadi tempat tahanan perang musyrikin (Mariam Abd. Majid, Marlon Pontino Guleng, 2014; Sohirin M. Solihin, 2008; Darsh *et al.*, 1996)

Kepelbagaiannya fungsi masjid membuktikan bahawa institusi tersebut berupaya memberi acuan yang menyeluruh dalam mengadun perihal duniaawi dan

akhirat dengan menyalurkan penghayatan Islam dalam diri individu, mendidik dan melahirkan masyarakat yang berilmu dan berakhhlak dalam kehidupan sehari-hari bagi mendapatkan kesejahteraan dan keredhaan Allah S.W.T (Nurzatil Ismah Azizan, Hasliza Talib & Nazneen Ismail, 2014; Hossein Javan Arasteh, 2014; Mushaddad Hasbullah, 2008).

Pada fasa pertama kedatangan Islam di Tanah Melayu, ulama-ulama yang berasal dari Tanah Arab seperti Maulana Abu Bakar, Kadi Yusof, Maulana Sadar, Syed Abdul Aziz dan lain-lain memainkan peranan penting dalam mengaktifkan peranan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah Islam disamping pusat ilmu dan perpaduan penduduk setempat (Badlihisham Mohd Nasir, 2010). Tradisi penyebaran dan pengajaran ilmu agama yang meliputi seluruh aspek kehidupan dunia ini dan akhirat kemudian diteruskan oleh ulama-ulama tempatan seperti Nururddin al-Raniri (berpusat di Aceh), Hamzah Fansuri dan lain-lain (Yahaya Abu Bakar, 1983; D.G.E. Hall, 1962). Selain itu, Muhammad Ikhlas Rosele et al. (2015) dalam kajian beliau yang bertajuk Islamisasi awal Pahang: Satu Tinjauan Teori menyatakan bahawa, institusi pendidikan awal berkembang di masjid sehingga munculnya pondok pengajian agama, madrasah dan sekolah-sekolah agama.

Maka, secara umumnya masjid terbahagi kepada beberapa peranan utama seperti pusat ibadah, pusat penyebaran ilmu pengetahuan dan maklumat, pusat pentadbiran, pusat pembangunan sosio-ekonomi, serta aktiviti yang melibatkan komuniti atau kemasyarakatan (Abdul Rahman et al., 2009; Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi, 2008).

Pengimaranan masjid adalah sangat penting kepada umat Islam sesuai dengan ayat suci Al-Quran yang bermaksud:

*“Hanyalah yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan solat dan menunaikan zakat dan tidak takut (kepada sesiapapun) melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka mereka lah orang-orang yang diharapkan termasuk dari golongan yang mendapat petunjuk”*  
(At-Taubah: 18).

Kekuatan umat Islam adalah bergantung kepada bagaimana fungsi masjid itu dapat disampaikan kepada umat Islam dengan jelas supaya umat Islam pada masa kini dapat menyemai perasaan dan pemahaman tentang perihal pentingnya masjid sebagai tonggak utama Islam itu sendiri. Jatuh bangunnya umat Islam adalah bersandarkan bagaimana umat Islam itu sendiri menilai kepentingan institusi demi mendapat keredhaan Allah. Pendapat ini jelas diperkuatkan lagi dengan sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud;

*“Tujuh golongan manusia yang akan mendapat naungan Allah pada hari yang tiada naungan selain naungan-Nya iaitu... dan seseorang yang terikat hatinya dengan masjid ketika ia keluar hingga ia kembali ke masjid...” (HR Al-Bukhari & Muslim dari Abu Hurairah).*

Menurut Ajmain Safar (2008), umumnya, terdapat enam (6) kategori masjid di Malaysia iaitu 1) Masjid Negara, 2) Masjid Negeri, 3) Masjid Jamek Daerah, 4) Masjid Institusi, 5) Masjid Kariah, dan 6) Surau untuk solat Jumaat. Masjid dan surau dikategorikan mengikut kepada bilangan populasi sesebuah kawasan, keperluan, syarat dan kelayakan tertentu untuk menjalankan solat Jumaat (Azree Ahmad et al., 2005).

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah memperkenalkan Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM) sebagai penanda aras kualiti perkhidmatan masjid di Malaysia.

Jadual 1: Kriteria Penarafan Masjid

Bil.	Kategori	Peratusan Markah Penilaian	Taraf Bintang
1.	Cemerlang	90.0% – 100%	★ ★ ★ ★ ★
2.	Sangat Baik	80.0% – 89.9%	★ ★ ★ ★ ★
3.	Baik	70.0% – 79.9%	★ ★ ★
4.	Memuaskan	60.0% – 69.9%	★ ★
5.	Sederhana	50.0% – 59.9%	★
6.	Lemah	49.9% dan kebawah	Tiada Bintang

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2015), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) (2008)

Standard penarafan bintang bagi masjid merangkumi empat (4) komponen utama iaitu 1) pengurusan, 2) pengimaranan, 3) kemudahan prasarana, dan 4) persekitaran (MAMPU, 2008). Perincian empat (4) komponen utama yang diusulkan oleh SPMM adalah seperti di jadual berikut:

Jadual 2: Perincian Komponen dalam Standard Penarafan Bintang bagi Masjid

Bi	Komponen	Perincian Yang Dinilai
1.	Pengurusan	a) Pengurusan organisas <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perancangan (Visi, Misi, Piagam Pelanggan, Objektif, Program/Aktiviti).</li> <li>• Tahap penyebaran maklumat dan perancangan strategi masjid.</li> <li>• Pengisian jawatan dalam struktur pengurusan</li> </ul>

- 
- organisasi masjid, status pengurus/nazir sebagai ahli politik, asas pendidikan pengurus, status keahlian AJK, status perlantikan imam, bilal dan siak, proses penggantian membentuk pelapis pegawai masjid, kursus yang dihadiri AJK masjid, dan pegawai masjid.
- Mekanisma aduan, kecekapan bertindak atas aduan.
  - Pengiktirafan kepada masjid, anugerah yang dimenangi, pengiktirafan bukan berbentuk pertandingan (dalam tempoh 5 tahun)
  - Mesyuarat Jawatankuasa masjid (jumlah/kekerapan mesyuarat), kehadiran ahli mesyuarat, kekerapan menyediakan laporan kewangan, laporan minit mesyuarat yang dihantar ke Jabatan Agama Islam Negeri
- b) Pengurusan kewangan
- Rekod kewangan, semakan audit, pembentangan dalam mesyuarat, sumber kewangan, prestasi perbelanjaan, pengurusan asset
2. Pengimaranah a) Pengimaranah: Solat lima (5) waktu, solat Jumaat dan amalan sunat lain
- b) Aktiviti tahunan
- Maal Hijrah, Maulidurrasul, Isra' Mikraj, Ihya Ramadhan, Aidil Fitri, Aidil Adha, sambutan hari kebesaran
- c) Program keilmuan
- Kuliah Maghrib/bulanan, kuliah/tazkirah subuh, kuliah berkala, kuliah keilmuan wanita (kuliah dhuha, kelas pengajian tajwid, kelas hafazan, kemahiran)
  - Aktiviti keilmuan remaja (akademik dan kemahiran), aktiviti keilmuan kanak-kanak (akademik dan kemahiran)
- d) Khidmat komuniti
- Pengurusan jenazah, khairat kematian, penilaian khutbahJumaat, riadah dan kesukanan dewasa, program kesenian dan kebudayaan Islam
  - Aktiviti rekreasi, aktiviti gotong royong, dakwah dan khidmat kebajikan (ziarah, penyampaian bantuan, amal dan khidmat kaunseling/nasihat
3. Kemudahan prasarana a) Kemudahan tempat dan peralatan ibadah, kemudahan pentadbiran, kemudahan keilmuan.
- b) Kemudahan kebajikan

- Khidmat sosial, pengkalan data anak kariah, tempat penyimpanan barang pengunjung/musafir, kemudahan sukan, kemudahan pengurusan jenazah, kemudahan am (tandas, bilik air, tempat wuduk, tempat meletak kenderaan)
4. Persekitaran    a) Kebersihan, keceriaan dan keselamatan (Bahagian dalaman dan luaran masjid)

---

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2015), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) (2008) & Laporan Jawapan/Pembuktian Pemeriksaan Standard Penarafan Masjid Malaysia, Masjid An Naim, Teluk Intan (2013).

Institusi masjid bukanlah suatu badan yang bersifat keuntungan, maka perancangan yang baik adalah perlu bagi mengimbangi akaun dan menggunakan sumber yang ada dengan cekap dan sistematik supaya masjid sentiasa berupaya melaksanakan aktiviti berkala mereka secara berterusan (Baker, 1987). Pernyataan ini turut disokong oleh Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (2008) dimana masjid adalah institusi yang memfokuskan tentang pembangunan masyarakat dan pendekatan berbentuk keagamaan, jadi adalah perlu bagi menguruskan masjid melalui sistem pengurusan yang bersifat professional dan sistematik bagi menjamin aktiviti yang menarik dan berterusan. Dalam konteks perancangan Islam, perkara utama yang perlu ditekankan adalah konsep tawakkal iaitu penyerahan diri dan penggantungan harapan yang tinggi kepada Allah s.w.t supaya sesuatu perkara itu akan berjalan dengan jayanya seperti yang telah dirancang (Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi, 2008).

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini melibatkan dua masjid di negeri Selangor yang mendapat pengiktirafan 5 bintang dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) iaitu Masjid Al-Falah USJ 9 dan Masjid As-Salam Bukit Sentosa Rawang, Selangor. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif, iaitu temu bual bersama pengurus/nazir/pengerusi masjid untuk mengetahui sistem pengurusan masjid yang diamalkan.

Jadual 3: Senarai Nama Masjid dan Pengiktirafan

---

<b>NAMA MASJID</b>	<b>PENGIKTIRAFAN</b>
1. Masjid Al-Falah USJ 9, Selangor	Mendapat pengiktirafan 5 Bintang daripada Jabatan Agama Islam Selangor pada tahun 2014.
2. Masjid As-Salam Bukit Sentosa Rawang, Selangor	Mendapat pengiktirafan masjid 5 Bintang daripada Jabatan Agama Islam Selangor pada tahun 2012.

---

## DAPATAN KAJIAN

Pengkaji menyimpulkan dapatan kajian melalui jadual seperti dibawah hasil daripada temubual dengan Nazir Masjid Al-Falah (Syed Zainal Abidin Mohd Tahir, temubual personal, 28 Mac, 2016) dan Nazir Masjid As-Salam Bukit Sentosa Rawang (KamalAbdullah, temubual personal, 27 Februari, 2016).

Jadual 4: Perbandingan Komponen Standard Penarafan Bintang antara Masjid Al-Falah USJ 9 dan Masjid As-Salam Bukit Sentosa Rawang

<b>Pembolehubah</b>	<b>Masjid Al-Falah USJ 9</b>	<b>Masjid As-Salam Bukit Sentosa Rawang</b>
<i>Pengurusan</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Tabung kutipan Jumaat, masjid/harian, anak yatim, infaq dan kebajikan.</li> <li>b) Setiap tabung mempunyai fungsi yang tersendiri mengikut yang telah dilabelkan pada tabung.</li> <li>c) Mempunyai akauntabiliti yang berbeza bagi setiap tabung.</li> <li>d) Pengurusan masjid membuat keputusan untuk memaparkan jumlah kutipan masjid.</li> <li>e) Terdapat <i>security lock</i> dan mangga kekunci pada setiap tabung.</li> <li>f) Peruntukan maksima simpanan kewangan masjid di bank adalah sebanyak RM100,000 sahaja.</li> <li>g) Mengadakan 9 kali mesyuarat untuk pegawai dan AJK masjid untuk merancang aktiviti dan program dalam tempoh setahun.</li> <li>h) Lantikan nazir masjid</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Tabung umum seperti tabung harian dan kutipan Jumaat.</li> <li>b) Tabung Amanah Pembangunan Islam Negeri Selangor (TAPIS) yang bertujuan untuk membantu usaha pembangunan modal insan dan syiar Islam di Negeri Selangor.</li> <li>c) Dana aktiviti berbuka puasa pada bulan Ramadhan disumbang oleh ahli kariah dan masyarakat setempat.</li> <li>d) Dana tidak diperolehi daripada kerajaan negeri atau pusat.</li> <li>e) Dana untuk pengurusan masjid diperolehi hasil daripada sumbangan ahli kariah dan orang ramai melalui beberapa tabung bagi membayar penyelenggaraan, elauan, penceramah dan sebagainya.</li> <li>f) Jumlah program atau aktiviti yang dikendalikan bergantung kepada dana masjid yang disumbang.</li> </ul>

	adalah daripada kariah setempat.	g) Masjid mempunyai satu akaun khas untuk menyimpan dana yang akan disalurkan kepada beberapa bahagian tertentu seperti pembangunan, penyelenggaraan, pegawai dan sebagainya.
i)	Mesyuarat kariah memilih calon untuk semua jawatan masjid.	
j)	Senarai calon itu diserahkan kepada Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri untuk disahkan.	
k)	Mewujudkan 12 biro dalam jawatan kuasa masjid.	h) Dana masjid diperolehi daripada sewaan tapak untuk bermiaga.
l)	Perlantikan selama 3 tahun (3 penggal).	i) Masjid mempunyai satu perniagaan dalam koperasi Islam Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung.
		j) Ahli lajnah membentangkan perancangan setiap biro untuk aktiviti tahunan dan peruntukan kewangan bagi setiap aktiviti.
	a) Mengadakan atau menguruskan aktiviti/program yang “Mesra Qariah”.	a) Menganjurkan kuliah dan kelas agama pada setiap malam termasuk hujung minggu.
b)	Secara bersama menentukan matlamat aktiviti masjid.	b) Menjemput penceramah luar bagi memberi ceramah dan berkongsi ilmu dengan ahli kariah.
c)	Meraikan ahli muallaf baru yang baru syahadah di masjid.	c) Menganjurkan forum, aktiviti berbuka puasa, tarawih, qaimulail dan bersahur pada bulan Ramadhan, ceramah Israk dan Mikraj, program qurban dan jamuan hari raya, program berkhutan, dan program daurah atau kem ibadah untuk pelajar skolah dan remaja.
d)	Memberi peluang bermiaga untuk setiap biro.	
e)	Kegiatan Institusi Masjid hendaklah lebih bersifat ‘menyumbang dan memberi’ menepati kehendak masyarakat, sesuai dengan golongan jantina dan golongan	

*Perbandingan Pengurusan Kualiti Masjid Terhadap Masjid Yang Diberi Pengiktirafan  
Bintang  
Muhammad Firdaus Bin Muhammad Sabri & Haliyana Binti Tonot*

umur. Kegiatan masjid tidak menyisihkan mana-mana kumpulan dalam masyarakat.

*Kemudahan  
Prasarana*

- a) Mempunyai klinik kesihatan dalam masjid.
- b) Mempunyai kelas agama
- c) Mempunyai sistem internet tanpa wayar (WIFI).
- d) Mempunyai projektor.
- e) Dewan solat utama mempunyai penghawa dingin.
- f) Mempunyai laman *web*, *facebook* dan *blogspot* dalam menyalurkan maklumat dan aktiviti masjid.

- a) Kawasan masjid yang luas dan selesa, penyediaan kipas yang mencukupi serta
  - b) Mempunyai *blogspot* dan *facebook* sebagai salah satu medium penyampaian maklumat dan maklumbalas dalam menjalinkan hubungan dengan ahli kariah.
  - c) Mempunyai kemudahan seperti tempat dan pejabat jurunikah bagi aktiviti pernikahan.
  - d) Menyediakan projektor untuk penyampaian maklumat kepada ahli kariah, sistem *sensor* dan *alarm* dipasang di dalam dewan solat utama bagi pemantauan dan pengawasan dalam mengurangkan kes kecurian
  - e) Mempunyai dua (2) orang pekerja am yang diketuai oleh Siak untuk menjaga kebersihan masjid.
  - f) Menyediakan tapak gerai untuk peniaga berniaga pelbagai jenis barang di kawasan masjid.
- 
- a) Parkir yang mencukupi, persekitaran yang luas dan selesa untuk para Jemaah, ahli kariah beristirehat

*Persekitaran*

- a) Persekitaran yang kondusif, parkir yang mencukupi, lokasi yang strategik.

Berdasarkan jadual perbandingan antara kedua masjid yang berikut, dapat diperhatikan bahawa pengurusan masjid yang baik dan berkualiti bukan sahaja melibatkan komitmen dari golongan profesional dan ilmuan agama dalam menganjurkan aktiviti, bahkan turut melibatkan penyediaan maklumat, pengurusan kewangan, dokumentasi, kemudahan dan infrastruktur yang baik (Ajmain Safar, 2008).

Pengurusan yang baik perlu dilaksanakan agar ianya berupaya menarik minat para jemaah dan ahli kariah hadir dan melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid dengan selesa. Pelaksanaan yang baik pula memerlukan komitmen yang tinggi bukan sahaja dari ahli jawatankuasa dan pegawai masjid, tetapi turut melibatkan ahli kariah dan masyarakat setempat (Mohd Noor Azli Ali Khan, Mohd Zulrushdi Salleh dan Norhayati Salleh, 2008).

## KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati bahawa nazir kedua-dua masjid adalah terdiri daripada golongan profesional ataupun golongan korporat didalam sesebuah institusi yang bersifat keuntungan. Nazir kedua-dua masjid telah mengaplikasikan sistem pengurusan syarikat ataupun korporat di dalam operasi dan aktiviti masjid di bawah seliaan mereka. Pengalaman golongan professional dalam mentadbir masjid akan meningkatkan kualiti pengurusan masjid di mana golongan ini menyalurkan pengalaman dan kepakaran mereka dalam memberi pandangan dan bimbingan yang berterusan dalam memperkasakan masjid. Ini diperkuuhkan lagi dengan pendapat Roslan Mohamed (2008) melalui hasil kajian beliau yang menyatakan bahawa golongan professional mampu memberikan sumbangan yang signifikan melalui kepakaran mereka yang pelbagai dalam aspek pengurusan dan pemerkasaan institusi seperti pengurusan dokumen, perancangan belanjawan, pengurusan masa dan aktiviti, pengurusan sumber insan serta pengurusan mesyuarat.

Selain daripada itu, hasil kajian juga menyatakan bahawa masjid bukanlah sebuah institusi yang bersifat keuntungan, maka ianya menjadi suatu cabaran terhadap pegawai dan ahlijawatankuasa masjid dalam membuat perancangan dalam memperkasakan masjid. Pendapat ini disokong oleh Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (2008) yang menyatakan di dalam kajian mereka bahawa perancangan yang sistematik harus diteliti dalam semua aspek seperti pengimbangan akaun dan penggunaan sumber insan yang cekap dan professional dalam melaksanakan pelbagai aktiviti berkala yang berupaya menarik minat ahli kariah dan pelbagai lapisan masyarakat.

Tambahan juga, ahli jawatankuasa masjid perlu memberi komitmen yang sangat tinggi dalam melibatkan diri secara menyeluruh dalam memperkasakan masjid walau mereka sedar posisi mereka tidak menjamin bayaran elauan atau gaji yang tetap. Pendapat ini disokong oleh Ajmain Safar (2008) yang menyatakan bahawa komitmen yang tinggi perlu ada dalam diri ahli jawatankuasa atau petugas

*Perbandingan Pengurusan Kualiti Masjid Terhadap Masjid Yang Diberi Pengiktirafan  
Bintang  
Muhammad Firdaus Bin Muhammad Sabri & Haliyana Binti Tonot*

yang dilantik walau ianya dalam bentuk secara sukarela. Komitmen yang tinggi akan menjadi pendorong utama kepada kejayaan masjid (Mohd Noor Azli Ali Khan, Mohd Zulrushdi Salleh dan Norhayati Salleh, 2008).

Pemerkasaan dan pengimaranahan masjid akan dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan penglibatan pelbagai pihak seperti pegawai masjid, ahli jawatankuasa, ahli kariah serta pelbagai lapisan masyarakat. Selain daripada itu juga, ahli kariah dan masyarakat seharusnya membuka minda dalam mendefinisikan fungsi masjid dimana ianya bukan hanya sebagai tempat ibadat semata.

## **RUJUKAN**

Al-Quran.

- Abdul Rahman, A., Latif, A., Syahiran, M. Yon, & Ariffin, W. (2009). Aktiviti Pemakmur Masjid di Samarahan: Kajian Terhadap Kemampuan Pendakwah. *Institute of Research, Development and Commercialization*, Universiti Teknologi MARA.
- Abdullah Ishak. (1990). *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*. Malaysia: Al-Rahmaniah, Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia.
- Ajmain Safar. (2008). Institusi Masjid dalam Memperkasakan Pembangunan Modal Insan. Dalam Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Eds.). (2008).*Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid (1<sup>st</sup>ed.)*. Skudai, Malaysia: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 14-25.
- Al-Fairuz Abadi. (1987). *al-Kamus al-Muhit*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 366.
- Azree Ahmad, Asmadi Mohammed Ghazali, Rosli Hassan & Kamarul Ariffin Mansor. (2005) Perpustakaan masjid di negeri Kedah: satu tinjauan. *Institute of Research, Development and Commercialization*, Universiti Teknologi MARA.
- Badlihisham Mohd Nasir. (2010). Pendidikan dalam Gerakan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1-12.
- Baker, H.K. (1987). *Internal Financial Management*. Florida, USA: Books for Professional Inc.
- Mohd Najib Razak. (11 Disember, 2006). Ucapan Perasmian Majlis Penutupan Konvensyen Nasional Komuniti Hadhari Peringkat Kebangsaan. *Berita Harian*.
- Darsh, S.M., Hasan, S., Akram, M., & Yusuf Islam. (1996). *The Role Of The Mosque In Islam*. Riyadh, Saudi Arabia: Darussalam Publishers & Distributors.
- Hall, D.G.E. (1962). *Historians of South East Asia*. London: Oxford University Press.

*Perbandingan Pengurusan Kualiti Masjid Terhadap Masjid Yang Diberi Pengiktirafan  
Bintang  
Muhammad Firdaus Bin Muhammad Sabri & Haliyana Binti Tonot*

Haron Din (1996). *Umat Islam Zaman Mutakhir, Masalah dan Penyelesaian*. Shah Alam, Selangor: Times Editions.

Hossein Javan Arasteh. (2014). Masjid and its Management: Issues and challenges. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*. Kuala Lumpur, Malaysia.

HR. Al-Bukhari no. 620.

HR. Muslim no. 1712.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2015). *Portal Rasmi Masjid Malaysia*. Diambil daripada <http://masjid.islam.gov.my/index.php>

Ifwan Tun Tuah. (2013). Profesional Tadbir Masjid. *Berita Harian*. Seremban, Negeri Sembilan.

Mariam Abd. Majid & Marlon Pontino Guleng. (2014). Masjid dan Metodologi Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik di Malaysia: Sorotan Awal. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*. Kuala Lumpur, Malaysia. Diambil daripada <http://www.kuis.edu.my/imaf2014/eproceedings/masjid/M19%20Dr%20Mariam%20dan%20Yusof%20Marlon%20Masjid%20168-179.pdf>.

Masjid An Naim, Teluk Intan. (2013). *Laporan Jawapan/Pembuktian Kepada Pemeriksaan Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM)*. Perak, Malaysia: Urusetia Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM) Masjid An Naim.

Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi. (2008). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Johor, Malaysia: UTM Press.

Mohd Noor Azli Ali Khan, Mohd Zulrushdi Salleh, & Norhayati Salleh. (2008). Pengurusan Masjid: Satu Tinjauan ke atas Masjid Cemerlang. Dalam Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi (Eds.). (2008). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Skudai, Johor: UTM, 27-43

Mohd Rozaini Mohd Rahim, Mahazan Abdul Mutualib, Abdullah Abdul Ghani, Muhammad Hashim, Wan Mohd. Fazrul, Mohamad Zaharuddin Zakaria, Nisar Mohammad Rahmad, & Azman Ab. Rahman. (2014).

Kepimpinan, Prestasi Masjid, dan Pembangunan Komuniti Menurut Al-Quran dan Hadith. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*.

Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim, & Mohd Anuar Ramli. (2015). Islamisasi Awal di Pahang: Satu Tinjauan Teori. *Jurnal Kemanusiaan*, 24 (1), 2-14.

Mushaddad Hasbullah. (2008). Pengimaranan Masjid: Tanggungjawab Setiap Muslim. Dalam Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi (Eds.). (2008). *Pengimaranan Masjid dalam Agenda Ummah*. Johor, Malaysia: UTM Press.

M.Quraish Shihab. (1999). *Wawasan al-Qur'an: Tafsir Mauduu' Atas Pelbagai Persoalan Umat*. Bandung, Indonesia: Penerbit Mizan.

Nurzatil Ismah Azizan, Hasliza Talib, & Nazneen Ismail. (2014). Komunikasi Masjid: Kajian Terhadap Hebahan Aktiviti Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi Kepada Masyarakat Setempat. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Roslan Mohamed. (2008). Pemerkasaan Masjid Melalui Pengurusan Profesional. Dalam Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Eds.). (2008). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid (1<sup>st</sup>ed.)*. Skudai, Malaysia: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1-12

Saikh Ali Mohamad Mokhtar. (2003). *Peranan Masjid Dalam Islam*. Kuala Lumpur, Malaysia: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Sohirin M. Solihin. (2008). *Islamic Da'wah: Theory and Practice* (1<sup>st</sup>ed.). Kuala Lumpur, Malaysia: IIUM Press International Islamic University Malaysia.

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). (2008). *Panduan Mengenai Penarafan Bintang Agensi Sektor Awam*. Diambil daripada [http://www.adk.gov.my/html/pdf/starrating/get\\_file.pdf](http://www.adk.gov.my/html/pdf/starrating/get_file.pdf)

Yahaya Abu Bakar. (1983). Melaka Sebagai Pusat Pendidikan Islam Abad ke-XV Masihi. *SARI*, 4(1).

*Perbandingan Pengurusan Kualiti Masjid Terhadap Masjid Yang Diberi Pengiktirafan  
Bintang  
Muhammad Firdaus Bin Muhammad Sabri & Haliyana Binti Tonot*

Zainudin Yusof. (2015). Konsep AIDA dalam Pengurusan Masjid. *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah*. Bangi, Selangor: UKM.